

Model rumah arkitek USIM pilihan Tesco

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 24 APRIL

MODEL rumah hasil rekaan sekumpulan pelajar program Seni Bina, Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi pilihan Tesco Store (Malaysia) Sdn. Bhd untuk dibina bagi mangsa banjir di Kampung Belian dan Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.

Rumah hasil rekaan lapan pelajar, Wan Mohd. Azly Wan Mohamad, Bibi Nur Bashirah Baharun, Muhammad Izzat Irfan Mustaffa, Mohd Farizal Zulkepli, Nasrin Majdina Ramli, Mohd Safuan Mohd Fadzil, Mohd Azry Hadi Abd Manan dan Luqman Hakkim Yusof dipilih berdasarkan elemen kesejahteraan dalam pembangunannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesco Malaysia, Datuk George Fischer berkata, kos pembinaan dan kelengkapan rumah itu menggunakan sumbangan tunai yang dikumpul melalui 52 buah pasar raya Tesco di seluruh negara, sumban-

gan pembekal, rakan perniagaan dan dana Tesco Malaysia serta Tesco Plc United Kingdom.

"Sebanyak lapan unit rumah yang bernilai RM55,000 seunit dengan keluasan 225 meter persegi yang mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan dapur ini telah bermula pembinaannya.

"Kita menjangkakan rumah itu dapat disiapkan pada Julai nanti dan pastinya menjadi anugerah yang bermakna dan mengembirakan buat keluarga terpilih menjelang Hari Raya Aidilfitri," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Strategik USIM di sini hari ini.

Jelas Fischer, pembinaan rumah berdasarkan rekaan USIM itu mengambil masa yang singkat kerana menggunakan kaedah pasang siap.

Dalam pada itu Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kerjasama antara USIM dan Tesco merupakan satu peluang yang signifikan bagi kedua-dua pihak meneroka sesuatu yang baharu.

"Jalinan USIM-Tesco ini selari dengan seruan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yas-

sin yang mahu melihat kerjasama kepakaran di antara universiti dan industri ditingkatkan melalui pemerkasaan bidang penyelidikan dan pengkomersialan.

"Projek Shelter ini merupakan permulaan yang baik bagi program Seni Bina USIM khususnya kerana selari dalam mengangkat kebitaraan USIM iaitu menjadi universiti yang menerajui integrasi ilmu naqli dan aqli," katanya.

Model rumah yang dihasilkan itu mendapat bimbingan daripada penyarah program Seni Bina FST, Fadli Arabi, Elina Mohd Husini dan Wan Norisma Wan Ismail, malah pemilihan model rumah itu secara tidak langsung merupakan satu pengiktirafan kepada kemampuan arkitek muda USIM menghasilkan sesuatu yang menepati citarasa industri.

Rumah berkonsepkan sistem modular itu menggunakan bahan binaan kitar semula yang mesra alam malah reka bentuk rumah itu juga unik kerana patuh syariah dan memenuhi prinsip seni bina Islam seperti pintu masuk utama menghadap kiblat dan ruang dapur yang terlindung.



GEORGE FISCHER (kiri) menyerahkan lukisan grafik model rumah USIM kepada Musa Ahmad sambil disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek (tengah) selepas Majlis menandatangani MoU antara USIM dan TESCO dan pelancaran model rumah Projek Shelter di Kuala Lumpur, baru-baru ini.